

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pelan **Etika Takaful Home Secure**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.

Tarikh: 01/06/2026

1 Apakah itu Etika Takaful Home Secure?

Etika Takaful Home Secure memberikan perlindungan kepada bangunan (kediaman persendirian) anda dan isi kandungan rumah serta barangan peribadi di dalam rumah anda.

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah, dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Untuk tempoh perlindungan selama setahun, anda akan menerima perlindungan takaful seperti berikut:

No.	Jenis Manfaat	Pemilik Rumah (Bangunan)	Isi Rumah (Kandungan)
1.	Kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik	Dilindungi	Dilindungi
2.	Pesawat udara dan/atau peranti udara yang gugur daripadanya	Dilindungi	Dilindungi
3.	Hentaman oleh sebarang kenderaan atau haiwan	Dilindungi	Dilindungi
4.	Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip	Dilindungi	Dilindungi
5.	Kecurian dengan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam dan keluar dari rumah	Dilindungi	Dilindungi
6.	Ribut, puting beliung dan angin taufan	Dilindungi	Dilindungi
7.	Gempa bumi dan letusan gunung berapi	Dilindungi	Dilindungi
8.	Banjir	Dilindungi	Dilindungi
9.	Kerugian sewa (Had 10% daripada Jumlah Dilindungi)	Dilindungi	Dilindungi
10.	Liabiliti pihak ketiga untuk kemalangan di dalam rumah anda – had limit sehingga RM50,000	Dilindungi	Dilindungi
11.	Harta yang dipindahkan sementara - sehingga 15% daripada jumlah dilindungi pada kandungan rumah	Tidak Dilindungi	Dilindungi
12.	Kerosakan kepada cermin, selain dari cermin tangan - sehingga RM500 setiap keping untuk setiap kemalangan	Tidak Dilindungi	Dilindungi
13.	Pampasan Kematian Orang yang Dilindungi, disebabkan oleh kebakaran atau rompakan di mana terdapat kemasukan ganas dan secara paksa ke rumah - Had RM10,000 atau satu perdua daripada Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas kandungan yang mana lebih rendah	Tidak Dilindungi	Dilindungi
14.	Harta orang gaji	Tidak Dilindungi	Dilindungi

Perlindungan tambahan termasuk seperti berikut:

No.	Jenis Manfaat	Pemilik Rumah (Bangunan)	Isi Rumah (Kandungan)
1.	Bantuan Tunai Kesulitan disebabkan oleh kebakaran – Had RM1,000	Dilindungi	Dilindungi
2.	Kerosakan kepada Tangki Air, Peralatan dan Paip Air – Had RM500	Dilindungi	Tidak Dilindungi
3.	Penggantian Kunci akibat pecah rumah atau rompakan – Had RM500	Dilindungi	Tidak Dilindungi
4.	Tunai Pendahuluan – Had 20% daripada jumlah kerugian	Dilindungi	Tidak Dilindungi

Dengan membayar sumbangan tambahan, anda boleh memperluaskan perlindungan di bawah:

No.	Jenis Manfaat	Pemilik Rumah (Bangunan)	Isi Rumah (Kandungan)
1.	Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat keganasan	Dilindungi	Dilindungi
2.	Meningkatkan had liabiliti kepada Awam sehingga had maksimum RM250,000	Dilindungi	Dilindungi
3.	Meningkatkan had kerugian sewa	Dilindungi	Dilindungi
4.	Ditinggalkan tidak berpenghuni untuk lebih dari 90 hari	Tidak Dilindungi	Dilindungi
5.	Kerugian akibat kecurian tanpa pemecahan masuk dan/atau keluar rumah menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar tidak termasuk kecurian oleh orang gaji atau ahli keluarga	Tidak Dilindungi	Dilindungi
6.	Manfaat kematian akibat kemalangan untuk keluarga – Had sehingga 5 orang ahli	Tidak Dilindungi	Dilindungi
7.	Lanjutan Takaful Sewa Tuan Tanah	Dilindungi	Tidak Dilindungi

Nota:

- Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Tempoh perlindungan takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan takaful setiap tahun.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sijil anda tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

1. Kehilangan atau kerosakan akibat penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat;
2. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh peperangan atau risiko seumpamanya;
3. Kerugian atau kerosakan kepada bangunan jika dibiarkan lebih daripada sembilan puluh (90) hari (melainkan jika ia diberitahu secara bertulis kepada Kami dan dipersetujui oleh Kami melalui pengendorsan dikeluarkan);
4. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful rumah, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqua Online)



Layari
<https://www.etiqua.com.my/rumah>



Emel kepada
info@etiqua.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Etiqa Takaful Home Secure, jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah dikira berdasarkan jumlah dilindungi dan perlindungan tambahan, jika ada. Sebagai ilustrasi, untuk jumlah dilindungi RM330,000.00 untuk Bangunan dan Isi Kandungan Rumah, anda harus membayar sumbangan tahunan sebanyak:

Sumbangan Asas	RM 560.40
Anda juga harus membayar fi and caj berikut:	
Komisen Dibayar Kepada Pengantara	15% daripada sumbangan asas atau RM 84.06
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan asas atau RM 44.83
Jumlah Fi Wakalah	60% daripada sumbangan asas atau RM 336.24
Duti Setem	RM 10.00
Jumlah Sumbangan Perlu Dibayar	RM 615.23

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

4 Syarat Utama Lain

1. Anda harus memberikan maklumat tepat dan cukup semasa permohonan.
2. Perlindungan takaful hanya berkuat kuasa apabila anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
3. Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas sijil. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.
4. Nilai pasaran
 - i. Anda perlu memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahsuaian dan penambahbaikan yang dilakukan. Amaun yang dilindungi mesti melindungi kos membina semula rumah anda sekiranya berlaku kerugian / kerosakan.
 - ii. Untuk membantu anda dalam menentukan jumlah yang dilindungi, anda boleh menggunakan anggaran kalkulator kos bangunan yang disediakan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA) melalui pautan berikut: <https://bcc.malaysiantakaful.com.my/>. Sila ambil perhatian bahawa anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat profesional bebas jika harta itu telah diubahsuai secara meluas dan / atau mempunyai reka bentuk yang unik / tidak standard.
5. Fasal Purata – Sekiranya jumlah yang dilindungi dalam sijil takaful anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda adalah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.
6. Lebihan – Hanya untuk sesetengah peril, seperti Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip, Ribut, Puting Beliung, Angin Taufan, Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi, dan Banjir.
7. Perlindungan berkenaan Isi Rumah – Jika mana-mana barangan rumah anda melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan yang dilindungi; anda dinasihatkan untuk mengisytiharkan barang-barang ini secara berasingan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh takaful.